

DATE: 16/6/2010

## Dalam Negeri

# RMK-10 beri kebaikan MBE

UM-16/06/2010

KUALA LUMPUR 15 Jun – Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad percaya Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10) yang dibentangkan minggu lalu memberi kebaikan kepada pelaksanaan Model Baru Ekonomi (MBE).

Katanya, ia berikutan RMK-10 dilihat memberi keseimbangan kepada pelaksanaan MBE yang saling melengkapi antara dua rancangan tersebut.

“Sebenarnya saya belum membuat kajian secara menyeluruh mengenai RMK-10 dan belum bersedia memberikan komen sepenuhnya mengenai perkara ini,” katanya pada sidang akhbar di sini hari ini.

Terdahulu, Dr. Mahathir selaku Canselor Universiti Teknologi Petronas (UTP) menyampaikan ucapan pada Kongres Sains, Teknologi dan Kejuruteraan Sedunia (ESTCON 2010) anjuran universiti itu di sini hari ini.

Turut hadir, Rektor UTP, Datuk Dr.

Zainal Abidin Kasim.

Kira-kira 1,200 pakar dalam bidang sains, teknologi, kejuruteraan hadir dalam kongres yang berlangsung selama tiga hari bermula hari ini.

Mengulas pengumuman Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin bahawa kerajaan akan mengkaji cadangan mewajibkan subjek bahasa Mandarin dan Tamil di sekolah kebangsaan, Dr. Mahathir berkata, cadangan itu tidak wajar dilaksanakan.

“Ini kerana, kerajaan pastinya perlu mengeluarkan peruntukan untuk menyediakan guru-guru terlatih di dalam bahasa ini yang setakat ini masih kecil bilangannya,” katanya.

Sementara itu, Tun Dr. Mahathir berkata, pelajar perlu dididik dari peringkat awal agar tidak menyalahgunakan ilmu sains dan teknologi untuk tujuan yang boleh membawa kemudaratan kepada dunia.

Sebaliknya, menurut beliau, pelajar perlu diberi ke sedaran supaya

mereka menggunakan kemahiran bidang tersebut untuk kepentingan manusia sejagat.

Jika tidak, jelas beliau, penyalahgunaan kemahiran sains dan teknologi akan terus berlaku seperti menggunakan teknologi nuklear untuk mencipta senjata yang mampu membunuh jutaan nyawa tidak berdosa.

Beliau seterusnya berkata, setiap penciptaan teknologi baru perlu terlebih dahulu mengambil kira kesannya terhadap alam sekitar pada jangka masa panjang.

Dalam pada itu, Tun Dr. Mahathir menyarankan kerajaan menangguhkan sementara projek pembinaan bangunan Parlimen yang baru di Putrajaya supaya dana itu dapat digunakan bagi tujuan yang lebih penting.

Katanya, kerajaan patut memilih pembangunan projek baru yang mempunyai kepentingan rakyat misalnya meningkatkan infrastruktur dalam bidang pendidikan.



TUN Dr. Mahathir Mohamad bersama Dr. Zainal Abidin Kasim (kanan) dan Naib Presiden Eksekutif Wan Zulkiflee Wan Ariffin meletakkan tangan pada robot Estcon ketika merasmikan Kongres Sains, Teknologi dan Kejuruteraan Sedunia (ESTCON 2010) di Kuala Lumpur, semalam.